

2017

**PENGENALAN**

Duti setem ialah duti yang dikenakan ke atas dokumen / surat cara yang mempunyai kesan perundangan, komersial atau kewangan seperti di bawah Jadual Pertama, Akta Setem 1949

**KEPENTINGAN DUTI SETEM**

Dokumen / surat cara hendaklah disetemkan dengan sempurna supaya ia boleh diterima sebagai bukti di mahkamah

**TEMPOH PENYETEMAN**

- Dalam tempoh 30 hari dari tarikh ia disempurnakan / ditandatangani dalam Malaysia
- Dalam tempoh 30 hari selepas ia pertama kali diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia

**LEWAT PENYETEMAN**

- Lewat mengemukakan dokumen / surat cara untuk ditaksir dan /atau
- Lewat membayar duti yang telah ditaksir

Penalti lewat penyseteman dikenakan jika disetemkan selepas tempoh yang ditetapkan

JENIS DUTI

- Duti Tetap
 - » Duti setem yang dikenakan tanpa ada kaitan dengan balasan atau amaun yang dinyatakan dalam surat cara
 - » Contoh surat cara: Perjanjian pinjaman pelajaran, perkara-perkara persatuan bagi syarikat, nota janji hutang, polisi insurans, surat cara pendua dan sebagainya
- Duti Ad Valorem
 - » Duti setem dikenakan berdasarkan balasan dinyatakan dalam dokumen / surat cara atau nilai pasaran
 - » Contoh surat cara: Surat cara pindah milik harta tanah, pindah milik saham, perjanjian pindah milik perniagaan, perjanjian sewa, perjanjian pinjaman dan sebagainya

**AWAS ! ELAKKAN SETEM HASIL PALSU**

Tindakan undang-undang boleh dikenakan kepada individu yang terlibat dalam penipuan atau pemalsuan duti setem

PERMOHONAN PENYETEMAN DAN PENENTUAN DUTI SETEM

Dokumen / surat cara perlu dikemukakan ke Pejabat Setem Cawangan / Pusat Khidmat Hasil bagi menentukan amaun duti setem yang sepatutnya dikenakan

**KAEDAH PENYETEMAN**

- Setem Tertera (sistem frangki digital)
- Setem Pelekat – Setem Hasil (dijual di Pejabat Pos sahaja)
- Resit Rasmi – Kew. 38
- Resit / Sijil Setem (dijana oleh STAMPS)

**PEMBAYARAN DUTI SETEM**

- Pejabat Setem Cawangan LHDNM
- Pusat Khidmat Hasil
- Pejabat Daerah dan Tanah yang tertentu
- Pusat Transformasi Bandar (UTC) – UTC Johor sahaja

**CARA BAYARAN**

- Wang tunai
- Setem Hasil (jika duti tidak melebihi RM500)
- Kiriman wang, wang pos, cek akaun anak guam atau bank deraf atas nama Pemungut Duti Setem
- Perbankan internet (**ByrHASIL**) dengan bank-bank ahli FPX atau CIMB Clicks / CIMB Biz Channel

PENALTI

- RM25.00 atau 5% dari duti setem yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetemkan dalam tempoh 3 bulan selepas tempoh penyseteman
- RM50.00 atau 10% dari duti setem yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetemkan selepas 3 bulan tetapi tidak lewat daripada 6 bulan selepas tempoh penyseteman
- RM100.00 atau 20% dari duti setem yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetemkan selepas 6 bulan selepas tempoh penyseteman

UNTUK KETERANGAN LANJUT, LAYARI :

<https://stamps.hasil.gov.my>

atau

www.hasil.gov.my



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
www.hasil.gov.my